Praktis Penguasaan 1

Pelajaran 9: Sedekah Kunci Kebaikan

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

solat	beban	hati	mendekatkan	risiko

1. Sedekah ialah sesuatu pemberian yang bertujuan untuk _____ diri kepada Allah SWT.

2. Salah satu amalan sedekah dalam hadis adalah berjalan untuk menunaikan _____.

3. Amalan berlaku adil terhadap dua orang yang bertelingkah dapat menenteramkan _____ kedua-dua belah pihak.

4. Amalan mengalihkan sesuatu yang berbahaya di jalan dapat mengurangkan _____ kemalangan.

5. Amalan membantu orang menaiki kenderaan atau mengangkat barangan ke dalam kenderaan dapat meringankan _____ orang lain.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 1 25/09/2026 2:37 PM

Praktis Penguasaan 2

Pelajaran 10: Hindari Sifat Negatif

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

berani	kewarasan	lemah	sedikit	malas

1. Menurut hadis, antara sifat yang tidak disukai ialah _____, lemah dan pengecut.
2. _____ bermaksud meninggalkan sesuatu yang tidak mampu dilakukan.
3. Pengecut bermaksud orang yang tidak _____ melakukan atau menghalang sesuatu situasi.
4. Orang yang malas hanya mempunyai _____ keinginan atau tidak ada keinginan langsung untuk melakukan kebaikan.
5. Nyanyuk ialah penyakit yang mengganggu _____ fikiran seseorang sehingga menyebabkan mereka berkelakuan seperti kanak-kanak.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 2 25/09/2026 2:37 PM

Praktis Penguasaan 3

Pelajaran 11: Allah SWT Maha Kaya Pengurnia Rezeki

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

rezeki	berhajat	bersyukur	Kaya	makhluk

1. Al-Ghaniy ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha _____ dan tidak memerlukan kepada sesuatu yang lain.

2. Ar-Razak ialah nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pemberi _____, Dia yang menjadikan rezeki dan mengurniakannya kepada seluruh makhluk.

3. Allah SWT menguasai seluruh _____ di langit dan di bumi.

4. Allah SWT tidak _____ kepada ketaatan makhluk.

5. Allah SWT berjanji menambahkan rezeki kepada hamba yang _____.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 3 25/09/2026 2:37 PM

Praktis Penguasaan 4

Pelajaran 12: Beriman kepada Rasul

Unit 1: Konsep Kenabian

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

rasul	harus	tabligh	nabi	bodoh

1. _____ ialah seorang lelaki pilihan Allah SWT yang dikurniakan wahyu kepadanya, tetapi tidak diperintah menyampaikannya kepada orang lain.

2. _____ ialah seorang lelaki pilihan Allah SWT yang dikurniakan wahyu kepadanya dan diperintah menyampaikannya kepada umat.

3. Sifat-sifat wajib bagi rasul ialah siddiq, amanah, _____ dan bijaksana.

4. Antara sifat mustahil bagi rasul ialah menyembunyikan, berbohong, khianat dan _____.

5. Sifat _____ para rasul ialah basyariah, iaitu memiliki sifat manusia biasa yang tidak menjejaskan martabat kenabian dan kerasulan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 4 25/09/2026 2:37 PM

Praktis Penguasaan 5

Pelajaran 12: Beriman kepada Rasul

Unit 2: Sirah 25 Rasul

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

Isa	Ibrahim	jahitan	mukjizat	Adam

1. Nabi _____ a.s. digelar Abu Al-Basyar kerana baginda merupakan manusia pertama yang dicipta oleh Allah SWT.

2. Nabi _____ a.s. digelar Abu Al-Anbiya' kerana ramai nabi dan rasul lahir daripada keturunan baginda.

3. Nabi Idris a.s. merupakan nabi yang pandai dalam ilmu penulisan dan _____.

4. Nabi _____ a.s. merupakan rasul Bani Israil yang terakhir.

5. _____ terbesar Nabi Muhammad SAW ialah Al-Quran.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 5 25/09/2026 2:37 PM

Praktis Penguasaan 6

Pelajaran 13: Beriman kepada Hari Akhirat

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

pertama	barzakh	kehancuran	titian	besar

1. Beriman kepada hari akhirat bermaksud menyakini kewujudan hari _____ seluruh alam semesta dan kebangkitan semula yang kekal abadi.

2. Alam _____ ialah alam pemisah antara dunia dengan akhirat.

3. Antara tanda _____ kiamat ialah keluar dajal yang mengaku dirinya sebagai tuhan dan menyesatkan manusia.

4. Kemusnahan alam berlaku selepas tiupan sangkakala _____ oleh malaikat Israfil.

5. Sirat ialah _____ yang merentang di atas neraka antara mahsyar menuju ke syurga.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 6 25/09/2026 2:37 PM

Praktis Penguasaan 7

Pelajaran 14: Beriman kepada Qadak dan Qadar

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

mubram	ilmu	usaha	kemampuan	ketentuan

1. Beriman kepada qadak dan qadar adalah menyakini bahawa Allah SWT yang menentukan setiap perkara yang berlaku kepada makhluk dengan _____ dan kehendak-Nya.

2. Dari segi istilah, qadak ialah _____ Allah SWT yang azali terhadap semua makhluk.

3. Dua jenis qadak ialah qadak _____ dan qadak muallaq.

4. Qadak muallaq ialah ketentuan Allah SWT yang berubah kepada ketentuan-Nya yang lain bersesuaian dengan _____ yang dilakukan oleh hamba.

5. Allah SWT menyuruh manusia berusaha menggunakan seluruh _____ yang diberikan-Nya untuk mencapai sesuatu maksud.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

eP+ P.Penguasaan P.Islam Tg3.indd 7 25/09/2026 2:37 PM